

(KEMAS KINI SEHINGGA 21 OKTOBER 2022)

SOALAN LAZIM

**PELANTIKAN DAN PORTFOLIO WARDEN ASRAMA SEKOLAH BERASRAMA
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

RUJ.: KPM.100-7/4/7 (23) BERTARIKH 30 OGOS 2022

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|---|
| 1. | Bagaimanakah kaedah pembayaran Elaun Warden Asrama (EWA)? | EWA akan dibayar secara bulanan seperti yang dinyatakan di perenggan 16 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 bertajuk Pengukuhan Pelaksanaan Pemberian Elaun Dalam Perkhidmatan Awam. |
| 2. | Bagaimanakah pembayaran EWA dibuat jika Warden Asrama dilantik kurang dari tempoh sebulan? | Kaedah pembayaran bagi elaun-elaun yang dibayar secara bulanan hendaklah dibuat secara pro rata dalam keadaan di mana: a) tempoh penempatan pegawai yang tidak genap satu (1) bulan kalendar; atau b) pegawai diarahkan menjalankan tugas yang melayakkan pemberian elaun tertentu adalah tidak genap satu (1) bulan kalendar. |
| 3. | Apakah kelebihan norma baharu sekarang berbanding dengan norma lama? | Norma baharu membenarkan bilangan Warden Asrama yang dilantik ditambah terutamanya di sekolah yang mempunyai enrolmen pelajar yang rendah. Ini sekaligus membolehkan penggiliran hari bertugas antara warden dapat dilaksanakan. |
| 4. | Berapakah bilangan Warden Asrama yang perlu bertugas pada satu-satu masa? | PGB boleh menetapkan bilangan Warden Asrama yang bertugas pada satu-satu masa mengikut kesesuaian dan keperluan sekolah masing-masing. Sebagai contoh, jika julat penghuni asrama adalah antara 251 - 300 murid, kelayakan |

(KEMAS KINI SEHINGGA 21 OKTOBER 2022)

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|---|
| | | <p>maksimum Warden Asrama yang boleh dilantik adalah seramai enam (6) orang Warden Asrama dan seorang Ketua Warden Asrama.</p> <p>PGB boleh membahagikan enam (6) orang Warden Asrama tersebut dalam tiga (3) kumpulan. Satu kumpulan boleh dianggotai oleh dua (2) orang Warden Asrama yang akan bertugas pada satu-satu masa.</p> |
| 5. | Berapakah jumlah maksimum dan minimum hari bertugas Warden Asrama setiap bulan? | Jumlah maksimum dan minimum hari bertugas Warden Asrama bagi setiap bulan tertakluk kepada penyelarasan jadual yang disediakan. Walau bagaimanapun, setiap Warden Asrama mesti bertugas pada setiap bulan. |
| 6. | Apakah keistimewaan menjadi Warden Asrama bagi seorang guru? | <p>Ketua Warden Asrama/ Warden Asrama layak mendapat keistimewaan seperti berikut tertakluk kepada keperluan semasa pengoperasian sekolah:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum diminimumkan;b) Pengecualian daripada dilantik menjadi Guru Kelas;c) Pengecualian daripada mengajar pada waktu pertama di sekolah; <p>PGB boleh membuat lain-lain pengecualian yang bersesuaian mengikut keperluan Ketua Warden Asrama/ Warden Asrama tanpa menjejaskan pengoperasian sekolah.</p> |

(KEMAS KINI SEHINGGA 21 OKTOBER 2022)

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|--|
| 7. | Adakah semua sekolah layak mendapat Ketua Warden Asrama? | <p>Hanya sekolah yang mempunyai bilangan penghuni asrama seramai 151 orang ke atas sahaja yang layak mendapat Ketua Warden Asrama.</p> <p>Bagi Sekolah Pendidikan Khas, hanya sekolah yang mempunyai bilangan penghuni asrama seramai 61 orang ke atas sahaja yang layak mendapat Ketua Warden Asrama.</p> |
| 8. | Adakah semua guru boleh dilantik sebagai Warden Asrama? | Semua guru bertaraf tetap dan guru lantikan <i>Contract of Service</i> (CoS) boleh dilantik sebagai Warden Asrama. |
| 9. | Sekiranya guru yang dilantik sebagai Warden Asrama sedang di dalam tempoh bercuti panjang (cuti bersalin/ cuti menjaga anak/ cuti tanpa gaji) adakah pelantikan warden ganti dibenarkan? | <p>Pelantikan Warden Asrama ganti boleh dibuat bagi menggantikan Warden Asrama yang sedang dalam tempoh bercuti panjang dan Warden Asrama ganti tersebut layak menerima EWA.</p> <p>Dalam tempoh bercuti tersebut, Warden Asrama yang digantikan tidak layak menerima EWA seperti ketetapan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019.</p> |
| 10. | Adakah Institusi Pendidikan lain seperti Kolej Matrikulasi dan IPG terlibat dalam penambahbaikan ini? | Tidak. Institusi Pendidikan lain bawah KPM masih menggunakan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 6/1995 berkaitan Tatacara Lantikan Warden Asrama dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 3 Tahun 1997 berkaitan Kadar Baru Elaun Ketua Warden Asrama dan Warden Asrama. |

(KEMAS KINI SEHINGGA 21 OKTOBER 2022)

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|--|---|
| 11. | Bagaimanakah kaedah semakan dan penentuan kelayakan bilangan Warden Asrama dibuat? | <p>Pihak sekolah perlu membuat semakan dan penentuan kelayakan bilangan Warden Asrama sebanyak dua (2) kali setahun pada awal dan pertengahan sesi akademik tahun tersebut.</p> <p>Sekiranya berlaku perubahan bilangan penghuni asrama, PGB perlu melantik atau menamatkan pelantikan warden dalam tempoh tiga (3) bulan.</p> <p>Sebagai contoh, bilangan penghuni asrama Sekolah A pada bulan Januari adalah seramai 150 orang murid dan melayakkan Sekolah A untuk melantik 4 orang Warden Asrama. Walau bagaimanapun, semakan kelayakan bilangan warden pada bulan Jun tahun yang sama, mencatatkan pertambahan penghuni asrama kepada 152 orang murid.</p> <p>Dengan pertambahan penghuni asrama tersebut, Sekolah A layak untuk melantik seorang Ketua Warden Asrama dan 4 orang Warden Asrama, menjadikan jumlah kelayakan warden asrama Sekolah A menjadi 5 orang.</p> <p>Pelantikan bagi warden baharu di Sekolah A perlu dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh semakan kelayakan dilaksanakan.</p> |
| 12. | Adakah Ketua Warden Asrama/ Warden Asrama yang tidak menduduki RKJ kerana RKJ | Bagi kes dimana RKJ adalah tidak selamat untuk diduduki atau tidak mencukupi, PGB boleh memberi kebenaran kepada Ketua Warden |

(KEMAS KINI SEHINGGA 21 OKTOBER 2022)

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|--|
| | tersebut tidak selamat untuk diduduki atau tidak mencukupi layak menerima ITP pada kadar penuh? | <p>Asrama/ Warden Asrama untuk tidak menduduki RKJ bagi tempoh tertentu dan Ketua Warden Asrama/ Warden Asrama layak dibayar ITP bagi tempoh tersebut sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2002.</p> <p>Dalam hal ini, sekiranya Ketua Warden Asrama/ Warden Asrama mendiami kuarters, Ketua Warden Asrama/ Warden Asrama tersebut layak dibayar ITP pada kadar 25% daripada kelayakan.</p> <p>Sekiranya Ketua Warden Asrama/ Warden Asrama tersebut mendiami kediaman selain kuarters, Ketua Warden Asrama/ Warden Asrama layak dibayar ITP pada kadar penuh.</p> <p>Namun demikian, PGB perlu memastikan tindakan bagi membaik pulih dilaksanakan untuk RKJ yang tidak selamat diduduki dan memastikan pematuhan terhadap pelaksanaan pembayaran ITP/ BIPK setelah RKJ didiami oleh Ketua Warden Asrama/ Warden Asrama.</p> |
| 13. | Adakah Ketua Warden Asrama/ Warden Asrama yang tidak menduduki RKJ atas pilihan sendiri layak menerima BIPK dan ITP pada kadar penuh? | Sekiranya Ketua Warden Asrama/ Warden Asrama tidak menduduki RKJ yang disediakan atas pilihan sendiri, Ketua Warden Asrama/ Warden Asrama tersebut tidak layak menerima BIPK dan ITP. |
| 14. | Terdapat Warden Asrama sedia ada yang telah dilantik menjadi | Warden Asrama tersebut boleh ditamatkan tempoh pelantikan. Walau bagaimanapun, |

(KEMAS KINI SEHINGGA 21 OKTOBER 2022)

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|---|
| | warden melebihi lima (5) tahun sebelum Garis Panduan dikeluarkan. Adakah pelantikan Warden Asrama tersebut perlu ditamatkan atau bolehkah beliau dilantik semula? | <p>sekiranya terdapat keperluan, pelantikan baharu boleh dibuat mulai tarikh kuat kuasa Garis Panduan ini dan tempoh pelantikan maksimum lima (5) tahun akan dikira mulai tarikh lantikan yang baharu selepas Garis Panduan berkuat kuasa.</p> <p>Tempoh pelantikan sebelum Garis Panduan ini berkuat kuasa tidak diambil kira memandangkan tiada ketetapan tempoh maksimum pelantikan Warden Asrama sebelum 1 Ogos 2022.</p> |
| 15. | Siapakah pihak yang bertanggungjawab dan mempunyai autoriti untuk menentukan kondisi Rumah Khas Jabatan (RKJ) sama ada RKJ selamat atau tidak selamat untuk diduduki? | Perkara ini boleh dirujuk kepada Sektor Infrastruktur dan Perolehan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) masing-masing atau Bahagian Pengurusan Aset, KPM. |
| 16. | Bolehkah Imbuan Tetap Perumahan (ITP) tidak dipotong bagi Warden Asrama yang tinggal di Kwarters Kerajaan? | Pemberian ITP kepada penjawat awam yang diperuntukkan Kwarters adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2015 berkaitan Imbuan Tetap Perumahan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan. Buat masa ini, tiada pengecualian khusus diberikan kepada Warden Asrama yang menduduki Kwarters Kerajaan berkaitan pemotongan ITP. |
| 17. | Sekiranya Warden Asrama yang dilantik memilih Elaun Perumahan Wilayah (EPW) berbanding ITP, adakah EPW | Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001 (Elaun Perumahan Wilayah Bagi Pegawai yang Bertukar Wilayah) menetapkan bahawa di mana terdapat RKJ yang disediakan oleh Jabatan, maka pegawai tidak ada pilihan dan |

(KEMAS KINI SEHINGGA 21 OKTOBER 2022)

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|------|---|--|
| | akan dipotong sekiranya mereka menduduki RKJ? | <p>dikehendaki menduduki rumah berkenaan. Dengan itu, pegawai tidak lagi layak EPW atau ITP.</p> <p>Walau bagaimanapun, pegawai layak menerima BIPK dengan kadar 50% daripada kadar kelayakan ITP berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2002.</p> |